

JIM JOHOR TAHAN 33 WARGA ASING

Gempur 10 premis lindungi pendatang

Oleh Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Seramai 33 warga asing yang disyaki melakukan pelbagai kesalahan imigresen ditahan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Negeri Johor dalam satu operasi penguatkuasaan di sekitar daerah ini, kelmarin.

Pengarah Imigresen Negeri Johor, Datuk Mohd Rusdi Mohd Darus berkata, operasi yang bermula jam 11 pagi itu memfokuskan lokasi tumpuan warga asing seperti premis perniagaan dan lokasi yang di-

percayai menggaji serta melindungi pendatang asing tanpa izin (PATI).

"Hasil serbuan di 10 lokasi termasuk kedai makan, premis cuci kereta, kedai gunting rambut serta rumah kedai yang dijadikan tempat penginapan dan tempat untuk berehat pekerja asing ini, kami menahan 33 warga asing atas pelbagai kesalahan imigresen.

"Mereka yang ditahan terdiri daripada seorang lelaki warga Nepal, empat lelaki Indonesia, empat lelaki warga India, dua lelaki Bangladesh dan 15 lelaki Myanmar.

"Selain itu, turut ditahan

dua wanita Indonesia dan lima wanita Myanmar yang mana semua 33 warga asing berusia antara 20 hingga 51 tahun ini dipercayai bekerja dan tinggal di premis diserbu," katanya menerusi kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, serbuan dilakukan adalah hasil risikan dan aduan awam berhubung kehadiran warga asing yang dipercayai menyalahgunakan pas serta tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan.

"Kami menjalankan pemeriksaan terhadap majikan, pekerja serta individu yang berada di lokasi terbabit bagi memastikan pe-

matuhan terhadap Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963," katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Rusdi berkata, mereka yang ditahan disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 dan mereka kini ditempatkan di Depot Imigresen Setia Tropika untuk siasatan dan tindakan lanjut.

"Sebanyak lapan keping borang 29 iaitu saman kepada saksi turut dikeluarkan sepanjang pemeriksaan untuk membantu siasatan," katanya.